

# Gambaran Sikap Positif Masyarakat Melayu dan Arab Melalui Peribahasa

**BITARA**Volume 1, Issue 2, 2018: 65-76  
© The Author(s) 2018  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## [Representation of the Positive Attitude of Malay and Arabic Societies through Proverbs]

Noor Syafiqah Ahamadi Palah<sup>1</sup> & Suhaila Zailani @ Ahmad<sup>1</sup>

### Abstrak

Gambaran sikap merupakan cara manusia meluahkan rasa yang terpendam sama ada secara langsung atau kiasan. Namun sikap sesetengah pihak tidak mencerminkan peribadi sebagai seseorang yang berilmu dan beragama sehingga menjuruskan diri ke arah kejahatan. Oleh itu, kajian dilakukan bertujuan mengesan gambaran sikap masyarakat melalui peribahasa Melayu dan Arab dalam Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris (KPMAL). Di samping mengenal pasti peribahasa berkaitan sikap positif dan negatif. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui pensampelan bertujuan. Dapatan kajian menunjukkan peribahasa perlu digunakan sebagai medium yang efektif dalam mendidik generasi muda sekaligus menjadikan elemen akhlak sebagai unsur mentarbiahkan diri sendiri dan masyarakat lain.

### Kata Kunci

sikap masyarakat, akhlak, peribahasa.

### Abstract

Representation of the attitude is the way people express their inner feelings either literally or figuratively. However, the behaviour of some citizens does not reflect the actual personalities of those who are educated and religious and thus turn themselves into evil. Hence, the study was carried out to detect the description of the attitude of society through the Malay and Arab proverbs in Malay-Arabic-English (KPMAL) dictionary in addition to identifying proverbs related to positive and negative attitudes. This research used qualitative methods through objective sampling. The results demonstrate that proverbs should be used as an effective medium in teaching the youth while at the same time making the moral element a source of self-empowerment for ourselves and the others.

### Keywords

society attitudes, morals, proverbs.

### Cite This Article:

Noor Syafiqah Ahamadi Palah & Suhaila Zailani @ Ahmad. 2018. Gambaran sikap positif masyarakat Melayu dan Arab melalui peribahasa. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 1(2): 65-76.

<sup>1</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

### Corresponding Author:

Suhaila Zailani @ Ahmad, Pusat Rantau Timur tengah dan Nusantara, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.  
E-mail: [suzail@ukm.edu.my](mailto:suzail@ukm.edu.my)

## Pengenalan

Peribahasa ialah cerminan yang menggambarkan tentang bagaimana masyarakat lain melihat diri kita dan menjadi sebuah pentas utama untuk menyerlahkan bakat yang terpendam. Cara manusia berfikir dan melihat isi dunia, budaya, nilai, tingkah laku, dan sebagainya dapat difahami dengan memahami peribahasa. Ini membuktikan bahawa peribahasa berperanan penting dalam bidang berkaitan bahasa seperti pengajaran dan budaya. Peranan ini bukan sahaja melibatkan kepentingan individu malah kepentingan yang besar kepada badan ilmu dan negara. Kewujudannya bermula sejak zaman turun temurun nenek moyang lagi dan dijelaskan dalam pelbagai bentuk sama ada dalam keadaan sedih, gembira, kaya, miskin, sikap positif, sikap negatif dan sebagainya.

Peribahasa Arab dan Melayu berkaitan akhlak tidak banyak berbeza kerana anutan agama yang sama yang berpandukan al-Quran dan al-Sunnah. Semenjak kedatangan Islam, akhlak amat dititikberatkan kerana pembentukan akhlak mampu melahirkan insan yang mulia dan dihormati. Berbeza dengan masyarakat Arab pada zaman Jahiliah yang bercanggah dengan ajaran Islam seperti minum arak, membunuh anak perempuan. Manakala masyarakat Melayu pula lebih mementingkan adat dari akhlak. Oleh itu, satu kajian mengenai gambaran sikap positif masyarakat dalam peribahasa Melayu dan Arab perlu dilakukan.

## Definisi Sikap

Menurut Kamus Dewan (2015: 1491) sikap dibahagikan kepada tiga iaitu; pertama bentuk tubuh dan potongan badan. Kedua ialah gaya berdiri (bergerak, berpakaian dan lain-lain). Ketiga ialah perbuatan atau pandangan berdasarkan sesuatu pendapat dan fikiran. Beberapa definisi mengenai sikap yang dikumpulkan oleh Mohd Salleh Leban (1994: 173), antaranya:

1. Definisi sikap menurut Allport (1935), *an attitude is a mental and neural state of readiness, organized through experience, exerting a directive or dynamics influence upon the individual's response to all objects and situations with which it is related*. Sikap ialah kesediaan mental dan saraf diatur berdasarkan pengalaman, penerimaan arahan atau pengaruh pengaruh pergerakan seseorang terhadap sesuatu dan situasi yang berkaitan.
2. Ostrom (1969) menyatakan bahawa sikap terhasil daripada kepercayaan dan kecenderungan perasaan seseorang ketika bertindak melakukan sesuatu perkara sama ada positif atau negatif.
3. Fishbein dan Ajzen (1975) sikap adalah faktor mempengaruhi tingkah laku seseorang.
4. Ajzen (2005) sikap adalah satu bentuk penilaian individu terhadap tingkah laku. Bentuk penilaian ini terdiri daripada dua; pertama ialah kepercayaan sama ada perkara tersebut memberikan keuntungan atau tidak kepada dirinya; kedua ialah penilaian sama ada mempengaruhi tingkah laku yang positif atau tingkah laku yang negatif.

Berdasarkan pengertian di atas, jelaslah bahawa sikap merupakan satu kesediaan mental dan saraf yang terhasil melalui pengalaman, mendorong atau mempengaruhi kepada tindak balas individu terhadap semua objek dan situasi yang berkaitan dengannya dan ianya

mempengaruhi tingkah laku seseorang sama ada dari segi kepercayaan dan bentuk penilaian (Ahmad Shukri 2002:196). Ainon (1997) menyifatkan sikap sebagai satu keadaan mental seseorang yang bersiap sedia melakukan tindak balas berdasarkan nilai peribadi seseorang. Tambahnya lagi, Sedangkan Zaki (2004) menganggap sikap sebagai pegangan kepada keyakinan. Proses pembentukannya pula terdiri daripada sumber ilmu dan maklumat yang diserap ke dalam pemikiran. Kemudian berlakulah satu proses lain iaitu analisis dan penilaian sehingga mencapai satu tahap kepercayaan dan keyakinan. Keyakinan tersebut membawa kepada pembentukan suatu watak. Gambaran sesuatu sikap berdasarkan kata-kata, tingkah laku dan tindakan (Aziz Nordin dan Ling, L.H 2011: 93).

Setelah meneliti kesemua definisi peribahasa di atas, kajian menyimpulkan bahawa sikap merupakan satu kecenderungan mental seseorang yang bersifat tanggapan atau perasaan terhadap perkara yang terhasil daripada sesuatu pengalaman sama ada berbentuk positif mahupun negatif. Dengan kata lain, sikap tidak dapat dirasa dengan pancaindera tetapi dikesan apabila melihat gelagat seseorang ketika berhadapan semasa menjalani kehidupan seharian.

## **Komponen Sikap**

Ilhaamie & Wan Suryati (2008), Howard dan Kendler (1974) dan Gerungan (2000) mempunyai pendapat yang sama tentang tiga komponen utama sikap yang dikenali sebagai: komponen kognitif, afektif dan tingkah laku.

1. Komponen kognitif merujuk kepada sikap yang berorientasikan persepsi, nilai dan kepercayaan terhadap sesuatu perkara. Maklumat boleh dibawa masuk melalui kepercayaan secara berperingkat. Kognitif melibatkan proses pemikiran, rationaliti dan logik. Contohnya, diskriminasi adalah perkara tidak baik. Keadaan ini timbul disebabkan kepercayaan diskriminasi akan menimbulkan masalah dan kerugian di kemudian hari.
2. Afektif merujuk kepada sikap yang berkaitan dengan emosi. Apabila maklumat telah diterima dan diyakini, penilaian akan dilakukan. Ini akan membawa kepada perasaan suka atau tidak suka, percaya atau tidak percaya, sokong atau tidak sokong terhadap sesuatu maklumat. Contohnya Muhammad tidak menyukai Siti kerana dia suka menjatuhkan maruah orang lain.
3. Tingkahlaku merujuk kepada sikap yang cenderung untuk berpindah secara konsisten kepada sesuatu perkara. Keyakinan dalam melakukan sesuatu akan mempengaruhi cara bertindak. Sebagai contoh, apabila seseorang tidak yakin dengan kemampuan pengurusnya membuat penilaian secara adil, maka individu tersebut akan mengambil tindakan seperti memproses dan sebagainya.

## **Sumber Sikap**

Umumnya diketahui bahawa sikap bukanlah sesuatu yang diwarisi melalui genetik, tetapi merupakan suatu perkara yang dibentuk selepas kelahirannya berdasarkan pengalaman dan asam garam kehidupan. Beberapa faktor penting perlu diambil kira ketika pembentukan sesuatu sikap berlaku (Ilhaamie & Wan Suryati 2008: 325) antaranya:

1. Faktor sosial ialah proses pembelajaran sosial yang membekalkan ilmu pengetahuan dan kemahiran bagi setiap individu (Ahmad Shukri 2002: 200). Antara manusia yang berpengaruh dalam kehidupan bersosial ialah keluarga, sahabat, sekolah dan rakan sekerja. Sebagai contoh, seseorang yang mengikut cara berpakaian seorang artis untuk kelihatan popular seperti artis tersebut.
2. Faktor pengalaman hidup memainkan peranan yang penting dalam kehidupan seseorang. Segala pengalaman yang dilalui akan disimpan dan disematkan dalam hati dan minda mereka dan akan ditunjukkan pada bila-bila masa sahaja. Pengalaman mengajar erti kehidupan kepada setiap manusia dan melaluinya juga manusia akan kelihatan lebih berkeyakinan dalam melaksanakan segala tanggungjawab sama ada ketika belajar atau di alam pekerjaan.
3. Faktor kesan pendedahan pula melibatkan sesuatu pendedahan yang dilakukan secara berterusan. Melalui pendedahan tersebut, minat dan sikap seseorang akan berubah sedikit demi sedikit. Contohnya, seseorang yang berubah pandangan dan minatnya terhadap sesuatu dalam masa beberapa minggu setelah dia dikehendaki melukis sebuah pemandangan selama satu jam setiap hari berdasarkan idea yang baru. Menurut Asmawati (2002: 249), kajian menunjukkan hanya dengan melalui beberapa pendedahan yang berterusan sudah mencukupi untuk menjadikan perkara tersebut disukai dan digemari.

## Sikap Menurut Islam

Sikap dalam bahasa Arab dikenali sebagai *الأخلاق* yang bermaksud ilmu yang membincangkan nilai berkaitan perkara baik atau jahat (*Mu'jam Wasit* 1972: 275). Mohd Nasir & Zakaria (2006: 7) akhlak sebagai tabiat semulajadi, adat, kebiasaan, maruah, gaya hidup dan sistem kepercayaan yang dianuti. Tambahnya lagi, akhlak dibentuk melalui latihan, pendidikan dan disiplin diri yang tinggi. Akhlak ini boleh disamakan dengan budi pekerti, tatasusila, sopan santun dan moral. Untuk menghasilkan akhlak yang baik dan buruk, bergantung kepada usaha kita sendiri. Sikap orang yang baik akan dipanggil orang yang berakhlak, manakala orang yang tidak baik dipanggil tidak berakhlak. Melalui pola sikap atau akhlak inilah yang membentuk dan mengatur setiap tindakan manusia. Oleh sebab itulah, manusia perlu menghindarkan diri dari sifat yang tercela seperti pecah amanah, mencuri, memfitnah, riak, takabbur dan sebagainya. Al-Quran memuji Rasulullah s.a.w kerana akhlaknya yang tinggi itu. Firman Allah S.W.T: Maksudnya: Sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia (Surah al-Qalam 68: 4). Ini disokong lagi dengan firman Allah S.W.T: Maksudnya: Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik (Surah al-Ahzab 33: 21)

## Komponen Sikap dalam Islam

Menurut Ilhaamie (2008) bidang kajian berkaitan sikap di negara barat adalah terhad kepada sikap luaran manusia sahaja dan tidak mengambil berat tentang hakikat kewujudan roh dan jiwa. Tetapi dalam Islam, hakikat berkaitan roh dan jiwa ini adalah sangat penting dalam memainkan peranan dalam pembentukan sikap kerana kedua-duanya sangat berkait rapat antara satu sama lain. Jika dilihat perbandingan antara para ulama, para fuqaha kebanyakannya tidak

menyentuh elemen sikap, roh dan jiwa dalam menentukan teori pengurusan berbanding ulama tasawwuf. Dengan tarbiah yang berunsurkan nilai dan norma Islam inilah sikap ujub dan riya' dapat dielakkan dalam diri manusia. Dalam ilmu tasawwuf terdapat empat konsep asas yang perlu difahami oleh umat Islam, iaitu:

- a. Roh: bermaksud kejadian aneh yang dibahaskan dalam ilmu rabbaniyah yang membawa maksud sama dengan kalbu. Ia juga sama dengan makna batin yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar, tidak dapat disentuh dengan pancaindera tetapi dirasai dengan pengakuan batin tentang kewujudan Allah (Shahabuddin Hashim 2004: 11). Abd Rahman (1992: 21) menyatakan bahawa membangunkan roh manusia adalah sama dengan membangunkan jiwa manusia. Hasil daripada proses *tajdid* roh, maka bermulalah saat kecintaannya kepada Allah S.W.T, takut kepada Allah, menanam keyakinan kepada-Nya, patuh kepada-Nya dan merasakan tanggungjawab yang tinggi dalam mengamalkan ajaran Islam serta penentangan terhadap musuh Allah S.W.T.
- b. Nafsu atau *nafs*: Menurut Mahmud Nazar (1995: 32) mengatakan bahawa dalam unsur roh terdapat juga unsur *nafs*. Unsur ini terdapat dua kekuatan yang amat bertentangan antara satu sama lain. Kekuatan pertama bersifat kebaikan seperti penyayang, belas kasihan, jujur, ikhlas dan sebagainya. Kekuatan kedua bersifat keburukan seperti pemaarah, penipu dan sebagainya. *Nafs* ialah kekuatan yang perlu dikawal dan manusia mestilah pandai untuk mengawalnya (Shahabuddin 2004: 29). Umumnya ulama sufi membahagikan nafsu kepada tujuh tingkatan, iaitu nafsu *ammarah* ialah nafsu yang mencerminkan sifat haiwan dan binatang, *lawamah* ialah nafsu yang mencerminkan sifat insaniah (Rudi Ahmad 2016: 45), *mulhamah* ialah nafsu yang memiliki keutamaan dalam melakukan tindakan dan menjauhi perbuatan dengki, rakus dan iri hati, *mutmainnah* ialah nafsu yang cenderung untuk membuat sesuatu yang bersifat keharmonian dan ketenangan, *radhiyah* ialah nafsu yang cenderung pada sikap ikhlas tanpa meminta sebarang perhatian dan balasan terhadap apa yang dilakukan, *mardhiyah* ialah nafsu yang cenderung untuk melaksanakan petunjuk yang baik dan menggunakan nafsu tersebut untuk mencapai keredhaan Allah dan *kamaliah* ialah nafsu yang bertambah kearah kesempurnaan (Abdul Mujib 2007: 48). Bermula dengan serendah-rendah nafsu, iaitu nafsu *ammarah* ialah nafsu yang paling keji sehingga ke semulia-mulia nafsu dan tertinggi iaitu nafsu *kamaliah* (nafsu yang berjaya dalam mengimbangi antara syariat dan hakikat).
- c. Hati atau *qalb*: Abdul Aziz (1998: 57) menyatakan bahawa kemahuan hati iaitu mencintai Allah, mengenal Allah dan cara beribadat kepada Allah dengan berhikmah. Hati manusia diibaratkan seperti cermin yang bersih dan bersinar. Hati yang elok juga dapat melahirkan tingkah laku yang elok dan hati yang kotor akan melahirkan tingkah laku yang buruk dan jahat (Hairunnaja 2003: 58). Ini menunjukkan sikap buruk lahir dari hati manusia sendiri. Firman Allah s.w.t berfirman yang bermaksud: Maksudnya: Dalam hati mereka (golongan yang munafik itu) terdapat penyakit (syak dan hasad dengki), maka Allah tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya, dengan sebab mereka berdusta (dan mendustakan kebenaran) (Surah al-Baqarah 2: 10)
- d. Akal atau *al-aql*: Menurut Ilhaamie (2008: 330) akal dari segi fizikalnya bermaksud otak. Dari segi kesenian pula, akal bermaksud satu keupayaan untuk menyelesaikan ilmu

pengetahuan tentang hakikat segala hal. Menurut Hainunnaja (2003), menghidupkan akal ialah pembimbing manusia dengan menggunakan akalnya bagi mencapai kemuliaan dan ketinggian darjat di sisi Allah S.W.T. yang tidak diberikan kepada makhluk yang lain di muka bumi ini. Dengan akal fikiran ini juga membolehkan manusia untuk membezakan antara kebenaran dan kebatilan serta menjadi pertunjuk dari kesesatan.

Manusia seterusnya dicipta daripada dua gabungan elemen penting iaitu elemen duniawi dan ukhrawi. Adapun elemen duniawi berkait dengan material dan ukhrawi berkait dengan ketuhanan. Perkara yang berkaitan duniawi berbentuk kebendaan seperti makanan, minuman, pakaian, kenderaan, rumah, pangkat, harta dan lain-lain. Perkara berkaitan ukhrawi pula berbentuk rohani seperti agama, akidah, akhlak, tujuan hidup dan sebagainya. Apabila elemen duniawi mengatasi elemen ukhrawi sudah tentu individu tersebut akan mengutamakan kehidupan dunia dan sebaliknya (Mohd Nasir & Zakaria 2006: 11).

## Gambaran Sikap Positif dalam Peribahasa

Dalam menilai sikap masyarakat sememangnya diketahui umum bahawa pembahagian akhlak terbahagi kepada dua bahagian iaitu positif dan negatif atau dengan kata lain akhlak terpuji dan tercela. Kenyataan ini disokong oleh Ainon (1997) bahawa tindak balas itu boleh jadi positif, negatif, setuju atau tidak setuju dan akan ditunjukkan pada bila-bila masa sahaja (Aziz Nordin & Ling 2011: 93). Antara gambaran sikap positif masyarakat melalui peribahasa:

### a. Peribahasa yang menyeru kepada permuafakatan.

Dalam jadual 1 di bawah disenaraikan contoh peribahasa Melayu pastinya yang menyentuh isu berkaitan adat hidup tolong-menolong serta menyeru kepada perpaduan dan permuafakatan. Selain itu, didatangkan peribahasa Arab sebagai padanan bagi peribahasa Melayu tersebut. Jadual 1 Contoh Peribahasa yang menyeru kepada permuafakatan

Bil	Peribahasa Melayu	Peribahasa Arab
1.	Adat mati jenguk menjenguk, Adat dunia balas membalas	الشيء بالشيء يذكر (Mengingati sesuatu dengan sesuatu) (KPMAl 1999: 18)
2.	Bersatu kita teguh, Bercerai kita roboh	الإتحاد ثبات والتشتت سقوط (Bersatu teguh berpisah bercerai berai) (KPMAl 1999: 37)
3.	Duduk seorang bersempit-sempit, Duduk banyak berlapang-lapang	كثرة الأيدي تخفف التعب (Banyak tangan mengurangkan kesusahan) (KPMAl 1999: 53)
4.	Dahulukan kebajikan orang yang hampir dengan kamu	الأقربون أولى بالمعروف/الإحسان يبدأ بالأسرة (Kebaikan bermula dari pertalian terdekat) (KPMAl 1999: 53)
5.	masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak	حين تحل في رومة اتبع تقاليد أهلها (Apabila pergi ke Rom, maka ikutlah adat kebiasaan rakyatnya) (KPMAl 1999: 95)

Peribahasa 1 di atas merupakan kiasan kepada seseorang yang telah melakukan kebaikan dari segi perkhidmatannya atau pekerjaannya dan dia layak untuk mendapat balasan tersebut (Attia 2004: 148). Islam bukan sekadar menyuruh saling bantu membantu tetapi diikuti dengan perpaduan. Hal ini boleh dilihat dalam peribahasa 2, iaitu kiasan kepada masyarakat yang bersatu padu akan menghasilkan kekuatan yang luar biasa dan sekiranya masyarakat berpecah, mereka akan menjadi lemah dan boleh dikalahkan (Attia 2004: 184). Islam menuntut agar masyarakat saling berkongsi kesenangan dan kesusahan supaya dapat melahirkan rasa kasih sayang dan prihatin sesama ummah. Firman Allah S.W.T:

﴿وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ﴾

Maksudnya: Hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya) (Surah al-Ma'idah 5: 2).

Peribahasa 3 merupakan kiasan kepada pertolongan yang banyak dalam sesebuah organisasi akan mempercepatkan pekerjaan tersebut (Attia 2004: 129). Apabila seorang individu menghadapi kesusahan, masyarakat yang berdekatan akan bekerjasama dan saling membantu bagi mengurangkan kesusahan tersebut.

Peribahasa 4 ialah kiasan bagi seseorang yang tidak boleh meninggalkan ahli keluarganya dalam kesusahan dengan menolong orang yang tidak dikenali (Attia 2004: 23). Islam turut menggalakkan umatnya supaya pandai menyesuaikan diri dalam apa jua keadaan sama ada melibatkan aspek makanan, budaya dan adat agar tidak dipandang serong oleh orang lain. Peribahasa 5 merupakan kiasan kepada seseorang yang pergi ke negara asing perlu menyesuaikan diri dan tingkah laku dengan cara kehidupan yang berbeza (Attia 2004: 192).

#### b. Peribahasa yang menyeru kepada kesempurnaan dan kesungguhan

Islam tidak hanya menggalakkan kepada perhubungan yang baik sahaja malah perlu mencapai kesempurnaan dalam setiap perkara. Sikap kesempurnaan ini harus ada dalam setiap aspek sama ada dalam pembelajaran atau pekerjaan secara perseorangan atau berkumpulan kerana Islam terkenal sebagai sebuah agama yang *Syumul* (lengkap). Apabila telah berusaha namun tetap mendapat keputusan yang sama, maka ketahuilah sesungguhnya Allah sebaik-baik perancang.

Jadual 2 Contoh Peribahasa yang menyeru kepada kesempurnaan dan kesungguhan

Bil.	Peribahasa Melayu	Peribahasa Arab
6.	Alang-alang menyeluk perkasam, biar sampai ke pangkal lengan	لا تقم بنصف العمل وتتركه (Jangan berhenti separuh pekerjaan dan meninggalkannya) (KPMIAI 1999: 15)
7.	Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian	لا حلاوة بلا عرق (Tiada kemanisan tanpa keringat) (KPMIAI 1999: 33)

8.	Siapa gatal dialah yang menggaru	يبدل جهدا عظيما (berusaha dengan bersungguh-sungguh) (KPMAI 1999: 134)
9.	Menjemur sementara hari panas	حش حشيشك والشمس مشرقة (Potonglah rumput ketika matahari cerah) (KPMAI 1999: 102)
10.	Baru mencapai pengayuh, orang sudah sampai ke seberang	الطائر المبكر يفوز بالذودة (Burung yang keluar awal akan mendapat cacing) (KPMAI 1999: 87)

Peribahasa 6 merupakan kiasan kepada manusia untuk melakukan yang terbaik dan menyelesaikan secara sempurna (Attia 2004: 137). Sebagai masyarakat Islam tidak akan lari daripada menerima ujian yang diberikan Allah s.w.t. Malah ujian itulah yang menguatkan lagi jiwa kita untuk menjadi lebih sempurna. Peribahasa 7 pula merujuk kepada kiasan bagi individu yang ingin mencapai kesenangan memerlukan kepada kepenatan dan kesusahan (Attia 2004: 139).

Sebelum mencapai sesuatu kesempurnaan, Islam menyeru umatnya supaya sentiasa rajin dalam melakukan pekerjaan. Perkataan rajin dalam *Kamus Dewan* (2015: 1271) bermaksud suka bekerja, giat, bersungguh-sungguh dan tekun. Contohnya peribahasa 8 bermaksud sesiapa yang hendakkan sesuatu, dialah yang harus bersusah payah (Sapinah 2013: 1131), kiasan dalam melakukan pekerjaan dengan tekun dan bersungguh dalam pekerjaan secara berterusan (Attia 2004: 180). Peribahasa 9 juga menunjukkan kepada usaha untuk mencapai sesuatu. Berusaha sementara badan masih sihat dan kuat atau ketika kesempatan masih ada (Shamsuddin 2007: 105). Peribahasa ini merujuk kiasan agar melakukan apa sahaja yang boleh dibuat dengan memanfaatkan peluang yang ada (Attia 2004: 125). Peribahasa 10 pula membincangkan hal kebijaksanaan yang merujuk kiasan kepada individu yang paling awal bertindak akan memperoleh peluang yang lebih besar dan cerah (Attia 2004: 128).

### c. Peribahasa berkaitan berpegang pada janji

Menepati janji adalah salah satu daripada sifat kebaikan yang diredhai Allah s.w.t. apabila individu tersebut telah berjanji, maka perjanjian itu bukan sahaja melibatkan manusia malah juga melibatkan Allah. Maka Allah berfirman dalam al-Quran:

﴿وَإِذَا قُلْتُمْ فَاعْدُوا وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ وَبِعَهْدِ اللَّهِ أَوْفُوا ذَلِكُمْ وَصَّاكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ﴾

Maksudnya: Apabila kamu mengatakan sesuatu (semasa membuat apa-apa keterangan) maka hendaklah kamu berlaku adil, sekalipun orang itu ada hubungan kerabat (dengan kamu); dan perjanjian (perintah-perintah) Allah hendaklah kamu sempurnakan. Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu beringat (mematuhiNya) (Surah al-An'am 6: 152).

Beberapa jenis peribahasa berkaitan perjanjian telah diambil untuk dijadikan peringatan kepada manusia supaya tidak mengingkari janji walaupun perkara kecil. Antara peribahasa tersebut adalah;



Jadual 3 Contoh Peribahasa berkaitan berpegang pada janji

Bil.	Peribahasa Melayu	Peribahasa Arab
11.	Barang yang dikata itulah yang dikota	الترم بما تدعو به (Buatlah apa yang disuruh) (KPMMAI 1999: 31)
12.	Kata hendaklah dikota	إذا وعدت فأوف بوعدك (Apabila kamu berjanji maka tunaikanlah janjimu) (KPMMAI 1999: 81)
13.	Janji dahulu bertepati, janji kemudian janji bercerai	تمهل في الوعد وعجل في الوفاء (Tidak terburu-buru ketika berjanji, bersegeralah ketika memenuhi janji) (KPMMAI 1999: 72)
14.	Kerbau dipegang talinya, manusia dipegang janjinya	بمسك الجاموس من قرنيه والإنسان بكلامه (Kerbau dipegang pada tanduknya, manusia dipegang pada kata-katanya) (KPMMAI 1999: 86)
15.	Janji sampai sukatan penuh	استوفى أجله (sudah sampai ajalnya). (KPMMAI 1999: 72)

Peribahasa 11 merujuk kepada kiasan supaya tidak menyuruh orang lain melaksanakan peraturan tersebut sekiranya diri sendiri tidak melaksanakan apa yang dikatakan (Attia, M. 2004: 155). Peribahasa 12 juga memberi makna sama iaitu merujuk kepada kata-kata yang dikeluarkan dari mulut sendiri walaupun tidak melibatkan perjanjian dengan orang lain.

Peribahasa 13 dan 14 melibatkan perjanjian dengan individu lain, merujuk kepada kiasan orang akan percaya selagi mana kita menepati janji. Isu janji ini kadangkala menjadi perbualan bila mana perjanjian yang dilakukan itu dimungkiri dan mendatangkan perbalahan sesama masyarakat. Selain itu, perkataan janji juga mendatangkan makna yang lain iaitu ajal maut sebagai contoh peribahasa 15. Dalam Kamus Dewan (2015: 608) perkataan janji diberikan empat makna; pertama pernyataan kesediaan untuk berbuat atau memberi sesuatu. Kedua adalah syarat, ketentuan dan tuntutan. Ketiga adalah pengunduran waktu, tangguh atau penundaan. Keempat adalah ajal, had atau tempoh waktu. Oleh itu, padanan maut dalam peribahasa Arab bersesuaian dengan perkataan janji dalam peribahasa Melayu.

#### d. Peribahasa yang menyeru kepada kebaikan

Kebaikan memberi maksud sangat luas dalam setiap perlakuan sama ada kepada pelaku atau penerima. Antaranya memberi faedah apabila menggunakannya (melihat, membaca dan sebagainya), memuaskan hati dari segi rupa (mutu, kegunaan dan lain-lain), tidak jahat (kelakuan), pulih, sembuh, sangat sesuai dan rapat (KD 2010: 108). Jelas bahawa bukan hanya melibatkan perkara yang besar sahaja tetapi perkara kecil turut diambil kira. Islam sangat menitikberatkan perkara yang baik dalam setiap aspek sama ada melibatkan lisan mahupun perbuatan. Firman Allah S.W.T:

﴿وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ الْمُسْلِمِينَ﴾

Maksudnya: Tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)! (Surah al-Fusilat 41: 33)

Jadual 4 Contoh Peribahasa yang menyeru kepada kebaikan

Bil.	Peribahasa Melayu	Peribahasa Arab
16.	Tertimbus dikais, terbenam diselam	الصدیق يعرف في وقت الضيق (Sahabat ketika susah) (KPMAl 1999: 788)
17.	Kaki naik kepala turun	مجد كالنمل (rajin seperti semut) (KPMAl 1999: 77)
18.	Buangkan yang keruh, ambil yang jernih	يستهل صفحة جديدة في حياته (memulakan lembaran baru dalam kehidupan) (KPMAl 1999: 41)
19.	Biarlah yang sudah berlalu itu berlalu	ما فات فات (biarkan yang sudah pergi itu, pergi). (KPMAl 1999: 40)
20.	Buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sesekali	خير الأمور أوسطها (Sebaik-baik perkara ialah pertengahan) (KPMAl 1999: 41)

Peribahasa 16 bermaksud menolong orang dalam kesusahan, iaitu kiasan kepada sahabat sejati ialah seseorang yang berada di sisi kawannya semasa dalam kesukaran, manakala sahabat palsu pula ialah yang meninggalkan semasa teman memerlukannya (Attia 2004: 61). Kebaikan yang ditunjukkan adalah berbuat baik dengan sahabat, keluarga dan kaum kerabat ketika susah atau senang. Kebaikan yang seterusnya melibatkan kebaikan dalam mencari rezeki digambarkan dalam peribahasa 17, iaitu kiasan kepada kebaikan yang timbul dalam jiwa seseorang untuk mencari rezeki buat keluarganya walaupun berada dalam kesukaran. Diumpamakan seperti kerajinan semut, walaupun semut merupakan serangga yang kecil tetapi kemuafakatan dan semangat bekerja secara berpasukan yang digambarkan oleh Allah dalam Surah al-Naml menunjukkan tiada yang mustahil untuk dicapai jika ada kerajinan dan muafakat.

Selain itu juga, peribahasa 18 merujuk kiasan melupakan kisah lama dengan meneruskan kehidupan yang seterusnya. Contoh peribahasa yang hampir sama ialah peribahasa 19. Peribahasa ini sering dikaitkan dengan perbalahan yang terjadi dan dipendam sehingga berkurun lamanya. Kadangkala sehingga melibatkan anak cucu turut bermasalah dan bermasam muka. Oleh itu, peribahasa ini diwujudkan sebagai nasihat agar tidak memanjangkan masalah yang sedia ada dan meminta maaf sama ada bersalah atau tidak.

Seterusnya peribahasa 20 yang menyentuh tentang kebaikan yang dibuat haruslah berpada-pada dan tidak melebihi sehingga mendatangkan kemudaratan kepada diri sendiri. Peribahasa Arab menganjurkan sikap *tawasut* atau pertengahan dalam setiap perkara, tidak mengabaikan atau meremehkan (*tafrit*) dan tidak juga melampau atau berlebihan (*ifrat*) seperti dalam berbelanja (Attia 2004: 132).

## Kesimpulan

Begitulah indahnya masyarakat Melayu dan Arab menjadikan peribahasa sebagai satu medium mendidik akhlak dan sikap positif masyarakat. Sikap perlu dididik sejak dari usia muda. Islam akan menjadi lebih indah, bukan sahaja dari segi kekuatan ilmu namun kecantikan budi pekerti yang lahir dari golongan muda dan generasi seterusnya sama ada adab dalam menjaga silaturrahim, ketinggian ilmu pengetahuan, berpegang pada janji dan segala jenis kebaikan. Gambaran sikap positif yang terdapat dalam peribahasa Melayu dan Arab selari dengan ajaran Islam. Kerukunan dan perpaduan dalam masyarakat boleh dilangsungkan dengan mengikuti garis panduan akhlak yang telah ditetapkan oleh Islam dalam Al-Quran serta diperhalusi dengan peribahasa yang menyantuni masyarakat.

## Penghargaan

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan dana Geran Universiti Penyelidikan (kod projek: GUP-2015-016). Jutaan terima kasih kepada UKM kerana memberi dana bagi menjalankan kajian ini.

## Rujukan

- Abdul Aziz Ismail. 1998. *Penawar Bagi Hati*. Kuala Lumpur: Dinie Publishers.
- Abdullah Hussain. 2004. *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Abdul Rahman Ahmad. 1992. *Bimbingan dan Kaunseling dari Perspektif Islam*. Serdang: Human Resource Enterprise.
- Ahmad Syukri Mohd Naim. 2002. *Tingkhalku organisasi*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan. 1997. *Memahami Psikologi Berfikir*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Ajzen, I & Fishbein, M. 1975. *Belief, Attitude, Intention, and Behavior: An Introduction to Theory and Research*. Boston: Addison-Wesley.
- ‘Ali, Kamal Muhammad. 1998. *Hikayat al-Amthal wa al-Hikam al-‘Arabiah*. t.tp.: al-Maktabah al-Akadimiah.
- Anis, Ibrahim. 1972. *Mu‘jam al-Wasit*. al-Qahirah: Majma‘ al-Lughah al-‘Arabiyyah.
- Anwar Ridhwan & Choi, L. 2010. *Kamus Peribahasa Daya*. Selangor: Penerbitan Minda Sdn Bhd.
- Asmawati Desa. 2002. *Psikologi untuk Golongan Profesional*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Attia, M. 2004. *Dictionary of Common English Arab Proverbs*. t.tp.: t.pt.
- Aziz Nordin & Hui Ling, L. 2011. Hubungan sikap terhadap mata pelajaran sains dengan penguasaan konsep asas sains pelajar tingkatan dua. *Journal of Science & Mathematics Educational 2*: 89-101.
- al-Bajunid, Ahmad Uthman. 1999. *Kamus Peribahasa Melayu Arab Inggeris*. Kuala Lumpur: DarulFikir Sdn Bhd.
- Berita Harian Online. 2018. *Warkah Buton bukti ‘belanda minta tanah’*. <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2017/09/330263/malas-boros-pencetus-sifat-buruk> [25 Ogos 2018].
- Cahaya Republika Ramadhan. 2010. *Bahaya Tamak*. Khamis. <https://www.republika.co.id/berita/dunia-islam/hikmah/13/10/03/mu3pvc-bahaya-tamak> [26 Ogos].
- Chiku, M. & Banda, C. 2004. *Understanding Organizational Sustainability Through African Proverbs*. Washington: Pact Publications.
- Gerungan, W.A. 2000. *Psikologi Sosial*. Bandung: Penerbit Refika Aditama.
- al-Ghazali, Muhammad ibn Muhammad. t.th. *Ihya’ ‘Ulum al-Din*. Jil. 3. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Hairunnaja Najmuddin. 2003. *Psikologi Ketengan Hati*. t.tp.: PTS Publications & Distributor Sdn Bhd.
- Howard, H & Kendler. 1974. *Basic Psychology*. Philipine: Benyamin
- Ibn Manzur. 1883. *Lisan al-Arab*. Bayrut: Dar al-Sadr.

- Kamus Dewan*. 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sapinah Said. 2013. *Kamus Peribahasa Melayu*. Johor Bahru: Pelangi ePublishing Sdn. Bhd.
- Steinberg, L. 1990. Psychological well being of parents with early adolescent children. *Development Psychology*. 26(4): 658-666.
- Mahmud, M.H. & Siarap, K. 2013. Kempen pencegahan H1N1: Kajian tentang pengetahuan, sikap dan amalan penduduk di Timur Laut Pulau Pinang. *Malaysian Journal of Communication* 29(1): 127-140.
- Mohd Salleh Leban. 1994. *Asas Psikologi Perkembangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn Bhd.
- Nasir Omar & Zakaria Stapa. 2006. *Akhlag dan Tasawwuf*. Bangi: Pusat kembangan pendidikan.
- Nor Kalsum Mohd Isa. 2016. Pengetahuan, sikap dan tingkah laku pelajar UPSI terhadap prinsip-prinsip kampus lestari. *Jurnal Perspektif* 8(1): 29-41.
- Shahabuddin Hashim & Rohizani Yaakub. 2004. *Teori Personaliti dari Perspektif Islam, Timur dan Barat*. t.tp: PTS Publications & Distributor Sdn Bhd.
- Shamsuddin Ahmad. 2007. *Kamus Peribahasa Inggeris-Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.